

26/05/2001

Kontrak kantin sah ditangguh

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Pendidikan hari ini mengesahkan, pemberian kontrak membekal makanan untuk asrama sekolah di seluruh negara, yang sepatutnya dilaksanakan bulan depan, ditangguhkan sehingga Kabinet membuat keputusan.

Timbalan Menterinya, Datuk Hon Choon Kim, berkata isu itu hanya akan diputuskan apabila kajian terhadap kaedah pelaksanaannya, terutama faktor harga dan masa depan pengusaha kantin Bumiputera sedia ada, selesai.

Katanya, faktor harga mungkin memberi kesan kepada pelajar dan ibu bapa, manakala kerajaan juga harus memastikan kebajikan pengusaha kantin Bumiputera sedia ada tidak gulung tikar.

"Memang ia sepatutnya dimulakan pertengahan Jun. Tetapi, pada masa ini kita masih belum bersedia melaksanakannya.

"Kita tidak mahu membuat keputusan tergesa-gesa. Kita perlu melihat perkara ini dengan berhati-hati supaya ia dapat menghasilkan keadaan menang-menang untuk faedah semua pihak," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mewakili Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Berita Harian hari ini melaporkan, kerajaan dipercayai akan membatalkan keputusannya untuk memberikan kontrak bernilai kira-kira RM300 juta itu kepada dua konsortium - Mas Catering-Advent-TNTC Sdn Bhd (Masat) dan Besta Distributors Berhad.

Hon mengesahkan, sebelum ini kerajaan memang bercadang melantik konsortium sebagai projek perintis untuk membekalkan makanan ke semua asrama sekolah di seluruh negara.

"Bagaimanapun cadangan itu masih dikaji bagi menentukan sama ada ia benar-benar cara terbaik untuk dilaksanakan supaya tiada pihak menanggung beban dengan keputusan itu," katanya.

Pada akhir 1999, Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (EPU) dilaporkan bersetuju supaya Masat diberikan hak untuk membekalkan makanan ke asrama penuh di Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu, manakala Besta bagi Perak, Selangor dan Kuala Lumpur.

Bagi Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, kontrak itu diberikan kepada Konsortium Darul Aman, manakala bekalan makanan kepada asrama penuh di Kelantan diuruskan oleh Konsortium Darul Naim.

Bagaimanapun, keputusan itu dibantah Gabungan Konsortium Pembekal Makanan Bermasak (GKPMB) yang menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dengan menyifatkan keputusan itu tidak wajar kerana ia menutup peluang berniaga syarikat Bumiputera.

Hon berkata, apa yang penting bagi kementerian ialah memastikan harga makanan disediakan oleh konsortium berkenaan nanti tidak terlalu tinggi.

"Jika boleh kementerian akan menimbang supaya pengusaha kantin sedia ada serta pekerja mereka dapat terus membekalkan makanan kepada pelajar dan memperoleh faedah daripada kontrak itu," katanya.

Mengenai kawalan kebersihan kantin sekolah, beliau menjelaskan, kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Kesihatan untuk menjamin keselamatan pelajar.

"Kementerian hanya memberi kontrak kantin kepada pengusaha yang lulus pemeriksaan kesihatan bagi mengelak pelajar terdedah kepada keracunan makanan," katanya.

(END)